



Ambang Suci atau Masih dalam Haid?

N*aqqa'* merujuk keadaan bersih daripada darah haid. Dalam istilah fiqh, *naqa'* merupakan situasi apabila seseorang wanita memasukkan kapas atau kain bersih ke dalam faraj, dia mendapati tiada kesan darah padanya. Keadaan ini menjadi petanda bahawa tempoh haidnya telah tamat, dan dia kini berada dalam hukum wanita suci.

Para fuqaha mazhab Syafii sependapat bahawa apabila seseorang wanita mengalami *naqa'*, maka dia wajib segera melaksanakan mandi hadas besar (mandi wajib) dan boleh melaksanakan segala bentuk ibadah seperti solat dan puasa, berdasarkan zahir keadaannya yang suci.

Perbezaan Pandangan Ulama tentang Hukum *Naqa'*

Isu ini menjadi titik perbincangan dalam kalangan fuqaha Syafii, khususnya apabila *naqa'* berlaku pada celahan tempoh antara dua kumpulan darah yang masih keluar dalam lingkungan waktu haid (15 hari 15 malam). Terdapat dua pandangan utama, iaitu:

- **Pandangan pertama:**
***Naqa'* sebahagian daripada haid.**
Tempoh *naqa'* dianggap sebahagian daripada haid sekiranya diselangi dengan darah haid, selama keseluruhan tempoh tersebut tidak melebihi 15 hari 15 malam. Oleh itu, ibadah seperti solat dan puasa yang dilakukan dalam tempoh tersebut dihukumkan tidak sah. Menurut pandangan ini, solat yang ditinggalkan dalam tempoh *naqa'* yang diselangi dengan darah haid tidak perlu digantikan, namun ibadah puasa tetap wajib digantikan (qada). Pandangan ini muktamad dalam mazhab Syafii.
- **Pandangan kedua:**
***Naqa'* dianggap sebagai suci.**
Menurut sebahagian ulama yang lain, tempoh *naqa'* yang berlaku dihukumkan sebagai suci. Oleh itu, ibadah seperti solat dan puasa dalam waktu tersebut dikira sah dan tidak perlu diganti, walaupun darah keluar semula selepasnya dalam tempoh maksimum haid, iaitu 15 hari 15 malam.

Situasi Tempoh *Naqa'* dalam Haid

Sebagai contoh, seorang wanita mengalami haid selama tujuh hari. Pada hari kelapan, dia mendapati keluar lendir putih yang membawa kepada tanda suci (*naqa'*) daripada haid. Oleh itu, dia wajib mandi dan boleh kembali melakukan ibadah seperti biasa.

Namun begitu, sekiranya darah keluar semula dalam tempoh maksimum haid, iaitu 15 hari 15 malam, maka status tempoh kering (*naqa'*) tersebut boleh berubah. Perbezaan hukum ini bergantung pada dua pandangan ulama sebagaimana yang telah dijelaskan pada huraian sebelum ini. Jadual yang berikut merupakan contoh bagi situasi ini berdasarkan pandangan yang muktamad dalam mazhab Syafii.

Jadual Contoh situasi *naqa'* berdasarkan pandangan muktamad mazhab Syafii.

Hari	1-7	8-13	14-15
Darah/ <i>Naqa'</i>	Darah	<i>Naqa'</i>	Darah
Hukum	Haid	Wajib mandi dan solat.	Haid

Perluakah Mandi Wajib Setiap Kali Darah Haid Terhenti?

Antara persoalan yang sering bermain dalam minda Muslimah, jika sudah menjadi kebiasaan berlaku *naqa'* dalam tempoh haid, adakah seseorang perlu melakukan mandi wajib setiap kali darah berhenti?

Kata Imam Ibn Hajar al-Haitami dalam *Tuhtat al-Muhtaj*, "Pada bulan kedua dan bulan-bulan berikutnya, wanita tersebut tidak boleh mengerjakan sesuatu pun daripada hukum suci, kerana zahirnya wanita tersebut pada bulan kedua ini seperti bulan yang pertama." Pandangan ini dinilai sahih di sisi Imam al-Rafi'i serta boleh diamalkan.

Hal ini bermakna, jika sudah menjadi kebiasaan *naqa'* antara dua kumpulan darah – misalnya, darah keluar pada 1 hari bulan hingga 5 hari bulan, kemudian berhenti pada 6 hari bulan dan keluar semula pada 7 hari bulan, sebelum berhenti sepenuhnya pada 8 hari bulan – maka dalam situasi ini, seseorang boleh menunggu sehingga darah benar-benar terhenti sepenuhnya, iaitu pada 8 hari bulan, sebelum melaksanakan mandi wajib. Akan tetapi, jika darah telah berhenti sepenuhnya (pada 6 hari bulan), maka selepas mandi wajib pada 8 hari bulan, seseorang wajib qada

solat yang ditinggalkan sepanjang tempoh menunggu tersebut.

Perkongsian ini lebih cenderung kepada pandangan Imam Ibn Hajar al-Haitami tanpa menafikan pandangan yang lebih sahih daripada Imam al-Nawawi yang menyatakan wajib mandi setiap kali *naqa'* walaupun sudah menjadi kebiasaan berlakunya *naqa'* antara celahan tempoh dua kumpulan darah. Pandangan Imam al-Nawawi ini cenderung untuk memudahkan wanita yang sering kali mengalami *naqa'* dalam tempoh haid.

Penulis juga cenderung kepada pandangan yang lebih kuat (azhar) dalam mazhab Syafii yang menyatakan bahawa *naqa'* yang berada antara celahan darah dalam tempoh minimum haid (24 jam) hingga tempoh maksimum haid (15 hari 15 malam) juga dihukumkan sebagai haid.

Aplikasi hukum yang sama turut terpakai bagi wanita yang mengalami nifas. Jika seseorang berasa yakin bahawa dia telah suci daripada darah nifas, maka dia hendaklah menyegerakan mandi wajib dan menunaikan ibadah seperti biasa. Namun demikian, jika darah keluar semula selepas tempoh *naqa'* yang singkat dan keseluruhan tempoh (termasuklah darah yang keluar semula itu) masih dalam lingkungan maksimum nifas (60 hari), maka darah yang keluar itu masih dianggap sebagai darah nifas. Dalam keadaan ini, tempoh *naqa'* tersebut juga dihukumkan sebagai sebahagian daripada nifas.

Wanita yang menghadapi keadaan *naqa'* mempunyai dua pandangan fiqh untuk dijadikan panduan. Sekiranya tiada keuzuran, maka lebih wajar dan selamat baginya untuk berpegang pada pandangan muktamad mazhab Syafii, khususnya dalam konteks menjaga kesahihan ibadah. Namun begitu, bagi wanita yang mengalami kesulitan tertentu, seperti dalam keadaan menyusu, sakit, atau mengalami kitaran haid tidak teratur yang menyukarkan penggantian puasa atau kesusahan semasa melaksanakan ibadah umrah atau haji, maka pandangan kedua boleh dijadikan jalan keluar sebagai suatu bentuk keringanan (rukhsah).

Dalam keadaan seseorang menghadapi isu fiqh seperti ini, keseimbangan antara ketelitian hukum dengan rahmat syariah perlu diutamakan. Setiap wanita perlu memahami situasi dirinya dengan jelas dan memilih pandangan yang sesuai dengan kemampuannya, tanpa mengabaikan kehormatan ibadah dan ketetapan syarak. Islam tidak mengajar umatnya untuk mengambil mudah dalam urusan agama, sebaliknya menekankan kepatuhan dan tanggungjawab. Namun begitu, pada masa sama, Islam menyediakan jalan kemudahan yang bersesuaian dengan kemampuan dan keadaan umatnya. 🕌